

Headline	Pensyarah UTM bangunkan aplikasi imbas, sahkan sijil halal		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Sep 2012	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	13	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	192 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,830
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,490



Pensyarah UTM bangunkan aplikasi imbas, sahkan sijil halal

JOHOR BAHRU 12 Sept. - Satu aplikasi mengesan kesahihan Sijil Halal di premis perniagaan dan produk berjaya dibangunkan oleh seorang pensyarah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan ia bakal dikomersialkan bermula awal tahun depan.

Pensyarah Kanan, Fakulti Alam Bina, Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah UTM, Dr. Muhammad Zaly Shah Muhammad Hussein berkata, aplikasi dinamakan pengesahan halal (Verify Halal) itu boleh diakses melalui telefon pintar pengguna.

Menurutnya, fungsi Verify Halal itu membolehkan ia mengesan sesuatu produk atau premis yang mempunyai sijil halal yang sah daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sama ada ia halal, meragukan atau tidak halal.

"Penggunaannya juga mudah iaitu pengguna hanya perlu imbas kod

bar di premis atau produk dan menunggu arahan seterusnya yang perlu diikuti sebelum pengesahan dipaparkan di skrin telefon pintar dalam tiga warna iaitu hijau boleh makan, kuning mungkin tarikh sudah luput dan merah pula jangan sekali-kali kerana sijil mungkin telah ditarik balik dan tidak menepati syarat Jakim.

"Teknologi ini akan diselaraskan dengan semua maklumat terkini Jakim menerusi pangkalan data mereka," katanya pada sidang akhbar mengenai pengumuman produk tersebut di Fakulti Alam Bina UTM di sini hari ini.

Beliau berkata, UTM menerusi anak syarikatnya, IMBAS Technology Sdn. Bhd akan menjalin kerjasama dengan Labuan Halal Hub Sdn. Bhd., syarikat yang diberi kepercayaan oleh Jakim untuk menyelaras sistem sijil halal seluruh negara.



MUHAMMAD Zaly Shah Muhammad Hussein menunjukkan aplikasi mengesan kesahihan sijil halal di UTM, Johor Bahru, semalam.